

Pemuda Upko sokong saranan Ketua Menteri

Tracy Patrick DE 3.6.2017 1

KOTA KINABALU: Pemuda Upko menyokong saranan Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman agar Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) haruslah seorang rakyat Sabah.

Pada masa sama, Ketua Pemuda Upko, Arthur Sen (**gambar**), berkata mereka juga bersetuju dengan kenyataan akhbar Naib Presiden Upko, Datuk Marcus Mojigoh dan Pemangku Presiden PBS, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili bahawa pelantikan ke jawatan itu harus mengambil kira hak-hak Sabah seperti yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963.

"Kami dalam Pemuda Upko tahu ada garis panduan dalam pemilihan Naib Canselor. Kami tahu bahawa kriteria itu termasuk pelbagai pencapaian khususnya dalam bidang akademik, integriti calon, disiplin dan kualiti kepimpinan yang diperlukan untuk mengemudi sebuah institut pengajian tinggi.

"Kami juga tahu ada ramai rakyat Sabah berkualiti yang memenuhi kriteria itu dan telah berkhidmat di universiti tersebut untuk tempoh yang lama," katanya.

Arthur berkata cadangan bahawa seorang rakyat Sabah dilantik ke jawatan itu bukan berdasarkan parokialisme dan terma Borneonisasi di bawah Perjanjian Malaysia 1963 tetapi juga mengambil kira nilai intrinsik bahawa universiti itu terletak di Sabah.

Salah satu kriteria dalam garis panduan pemilihan ialah bahawa calon itu mestilah seorang ahli akademik yang telah membuktikan kredibiliti dalam bidangnya dan dapat menyediakan kepimpinan akademik cemerlang bukan sahaja kepada siswazah tetapi juga penyelidik, ahli-ahli akademik dan anggota masyarakat secara keseluruhan.

"Memandangkan nilai komuniti turut dimasukkan dalam kriteria, maka hanya rakyat Sabah sebenar mempunyai pemahaman lebih baik mengenai nilai-nilai masyarakat pelbagai kaum di Sabah. Rakyat Sabah tulen yang telah tinggal dan membesar dalam masyarakat itu sendiri sudah sehati dengan nilai-nilai intrinsik masyarakat.

"Sejajar dengan pendirian UMS, satu-satunya universiti berpangkalan di Sabah, sudah tentu rakyat mahu institusi ini mencapai prestij tinggi berdasarkan konsep 'glokal' yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk seri Najib Tun Razak tidak lama dahulu," katanya.

Glokal adalah kombinasi dua perkataan – global dan lokal. Konsep itu bertujuan untuk menghasilkan sebuah masyarakat yang menghargai akar umbi dan nilai-nilai tempatan tetapi pada masa sama, menanam corak pemikiran global.

Dalam konteks masyarakat Sabah, kata Arthur, Pemuda Upko mahu konsep glokal diguna pakai untuk masyarakat tempatan.

"Kerana itu, dalam mengambil nilai-nilai intrinsik dan konsep glokal, disertai oleh elemen Borneonisasi dalam Perjanjian Malaysia 1963 dan tanpa menjejaskan garis panduan untuk memilih calon bagi jawatan itu, kami dalam Pemuda Upko mencadangkan bahawa pemilihan Naib Canselor UMS dibuat dari kalangan penduduk tempatan Sabah," katanya.

